# Pendakwa Raya lwn Nik Mohd Nik Embong

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45-03 TAHUN 2001
NIK HASHIM H
29 JUN 2002

***Kanun Acara Jenayah*** — *Hukuman — Milikan dadah — Tertuduh mengaku bersalah — Sama ada tertuduh yang mempunyai kesalahan lampau patut dijatuhi hukuman yang lebih berat dengan kesalahan beliau demi kepentingan awam — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39A(2)*

***Keterangan*** — *Beban bukti — Kes jenayah — Milikan dadah — Keterangan bahawa tertuduh berdiri satu meter daripada bungkusan dadah tersebut — Tertuduh menyerahkan bungkusan tersebut kepada polis — Sama ada tindakan tertuduh dalam menyerahkan bungkusan dadah tersebut kepada polis mencukupi untuk membuktikan pengetahuan dan mewujudkan satu kes prima facie — Akta Keterangan 1950 s 27(1), Akta Dadah Berbahaya 1952 s 37(da)(i)*

***Undang-Undang Jenayah*** — *Dadah berbahaya — Milikan dadah — Anggapan — Bukti kawalan dan jagaan dadah tersebut — Sama ada tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah tersebut — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39A(2)*

Tertuduh ('OKT'), pada mulanya dituduh mengedar dadah berbahaya jenis heroin seberat 27.22g di bawah s 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta tersebut. Di akhir kes pendakwaan, mahkamah telah meminda pertuduhan itu kepada kesalahan mempunyai kawalan atau jagaan dadah yang sama di bawah s 12(2) Akta tersebut yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta tersebut. OKT telah mengaku salah terhadap pertuduhan pindaan itu. Persoalan yang perlu ditetapkan oleh mahkamah adalah: (i) sama ada pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap OKT untuk membuat sabitan ke atas OKT; dan (ii) sama ada OKT yang mempunyai kesalahan lampau patut dijatuhi hukuman yang setimpal dengan kesalahan beliau demi kepentingan awam.

**Diputuskan**, menurunkan pertuduhan asal dan menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun dan sebatan sepuluh kali mulai tarikh tangkap OKT:

(1) Mahkamah dapati pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap OKT atas kesalahan mempunyai kawalan atau jagaan dadah heroin dalam P28 pada masa dan tempat material. Memang benar OKT tidak mempunyai milikan fizikal ke atas dadah tersebut, namun keterangan yang ada adalah mencukupi untuk membuktikan penemuan fakta bahawa OKT mempunyai kawalan atau jagaan ke atas heroin dalam P28. OKT telah dilihat berada seorang diri di dalam rumah dan sedang duduk mencangkung satu meter dari P28. Beliau yang mengambil dan menyerah P28 kepada SP5 (lihat ms 146B–C).

(2) Mahkamah tidak teragak-agak untuk mengenakan hukuman penjara selama 15 tahun sekiranya OKT tidak mengaku salah dan didapati bersalah selepas perbicaraan penuh. Oleh kerana OKT telah mengaku salah, mahkamah dapati OKT telah insaf atas kesalahannya, dan mahkamah memberikan potongan $^1/_3$ daripada hukuman tersebut, meskipun beliau mempunyai kesalahan lampau. Tujuan utama hukuman ialah untuk menghukum OKT atas kesalahan yang dia telah lakukan dan bukan untuk menghukum beliau kerana dia mempunyai kesalahan lampau, walaupun kesalahan lampau itu merupakan satu faktor yang perlu diambilkira dalam menentukan hukuman (lihat ms 147B–C).

**[English summary**

The accused ('OKT'), was initially charged for trafficking in the dangerous drug heroin weighing 27.22g under s 39B(1) of the Dangerous Drug Act 1952 ('the said Act'), for which he could be sentenced under s 39B(2) of the said Act. At the conclusion of the prosecution's case, the court amended the charge to an offence of having control or custody of the said drug under s 12(2) of the said Act which carried a sentence under s 39A(2) of the said Act. OKT pleaded guilty to the amended charge. The questions for consideration by the court were: (i) whether the prosecution succeeded in creating a prima facie case against the OKT to convict the OKT; and (ii) whether the OKT who had previous convictions should be appropriately convicted for his offence in the interest of the public.

**Held**, reducing the original charge and sentencing the accused to a term of ten years' imprisonment and ten strokes of the rotan from the date of arrest:

(1) The court found that the prosecution had successfully established a prima facie case against the OKT on the offence of being in possession or custody of the drug heroin in P28 at the material time and place. It was true that the OKT did not have physical possession of the said drug, however the evidence available was sufficient to prove the finding of fact that the OKT was in possession and custody of heroin in P28. OKT was seen alone, in the house and squatting approximately one meter away from P28. He took and surrendered P28 to SP5 (see p 146B–C).

(2) The court would not have been hesitant in imposing the sentence of 15 years' imprisonment had the OKT not admitted to the offence and found guilty after the full trial. As the OKT had admitted the offence and repented, the court would grant a $^1/_3$ reduction from the said sentence, despite his previous convictions. The main purpose of the sentence was to convict the OKT for the offence committed and not to convict him for having

A previous convictions, even though the past convictions were factor for consideration in ascertaining the sentence (see p 147B–C).]

**Nota-nota**

B Untuk kes-kes mengenai Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39A(2), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan-perenggan 124–125.

Untuk kes-kes mengenai milikan dadah, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 3347–3351.

C **Kes-kes yang dirujuk**

*Muhammed bin Hassan v PP* [1998] 2 MLJ 273 (dirujuk)
*PP v Kanapathy a/l Kupusamy & Anor* [2001] 5 MLJ 20 (dirujuk)

D **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 12(2), 37(da)(i), 39B(1), (2), 39A(2)
Akta Keterangan 1950 s 27(1)
Kanun Prosedur Jenayah s 180(1)

E *Yaacub bin Haji Chik* (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwaan.
*Zamani bin A Rahim (Zamani A Rahim & Partners)* bagi pihak tertuduh.

**Nik Hashim H**:

F *Pertuduhan*

Tertuduh ('OKT'), 47 tahun, bujang dan bekas seorang konstabel polis, pada mulanya dituduh mengedar dadah berbahaya jenis heroin seberat 27.22g di bawah s 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta tersebut.

G Di akhir kes pendakwaan, oleh kerana ketiadaan keterangan yang jelas dan mencukupi untuk menepati elemen pertuduhan mengedar, maka mahkamah pada 22 Mei 2002 telah meminda pertuduhan itu kepada kesalahan mempunyai kawalan atau jagaan dadah yang sama di bawah s 12(2) Akta tersebut yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta tersebut. OKT telah mengaku salah dan didapati bersalah terhadap pertuduhan H pindaan itu dan beliau telah disabitkan dan dihukum penjara selama sepuluh tahun mulai tarikh tangkap 17 Januari 2001 dan dikenakan sebatan sepuluh kali. Berikut ini ialah alasan penghakiman penuh saya.

*Kes pendakwaan*

I Pada 17 Januari 2001, lebih kurang jam 4 petang berdasarkan maklumat yang telah diterima, Inspektor Zamzi bin Zainal ('SP5') telah mengetuai satu pasukan polis membuat serbuan ke dalam sebuah rumah No 68C,

Jalan Chabang Tiga, Kg Losong Sekolah, Kuala Terengganu. Di dalam rumah itu, OKT dilihat duduk mencangkung dan sedang menggunting straw. OKT, apabila melihat SP5, cuba bangun tetapi ditahan oleh SP5 dan D/Kpl Abdul Halim ('SP6'). Soal siasat telah dijalankan ke atas OKT dan hasil soal siasat tersebut, OKT mengambil dua bungkusan kertas akhbar (P29A & B) yang diikat dengan gelang getah dari satu beg plastik bertulis 'Mydin Wholesale Emporium', (P28), yang terletak di atas lantai rumah itu, lebih kurang satu meter di hadapan OKT di ruang tamu dan menyerahkannya kepada SP5. SP5 memeriksa dua bungkusan akhbar tersebut dan di dalam satu bungkusan terdapat 14 botol plastik cerah bertudung kuning (P16 (1–14)) berisi serbuk putih dalam setiap botol dan dalam satu lagi bungkusan terdapat sepuluh botol plastik cerah bertudung kuning (P18 (1–10)) berisi serbuk putih yang disyaki dadah. Namun demikian, straw dan gunting tidak dirampas oleh SP5. OKT ditangkap dan dibawa balik ke Balai Polis Kuala Terengganu bersekali dengan barang kes. Satu laporan polis telah dibuat vide Chabang Tiga Report No 130/2001, (P25), atas tangkapan tersebut. Semasa serbuan, SP5 menyatakan tiada orang lain selain OKT berada di dalam rumah yang OKT sewa itu dan tiada orang yang keluar dari rumah itu. Keterangan SP5 telah disokong oleh SP6.

Serbuk putih yang disyaki dadah itu telah dihantar kepada ahli kimia kerajaan untuk diperiksa dan dianalisis. Ahli Kimia Kerajaan, En Abdullah Zayawi ('SP3') telah menjalankan beberapa ujian ke atas serbuk tersebut dan seterusnya mengesahkan serbuk tersebut mengandungi heroin iaitu dadah berbahaya seperti disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta. Menurut SP3, berat heroin ialah 27.22g.

*Keputusan kes di akhir kes pendakwaan*

Di akhir kes pendakwaan, mahkamah adalah berkewajiban untuk membuat keputusan sama ada pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap OKT seperti ditetapkan di bawah s 180(1) Kanun Prosedur Jenayah ('KAJ'). Maksud kes prima facie, dalam pandangan saya, ialah sama dengan mengatakan bahawa keterangan pendakwaan di akhir kesnya sudah mencukupi jika tidak dipatahkan, untuk membuat sabitan ke atas OKT.

Setelah menimbang dan meneliti dengan halusinya segala keterangan yang telah dikemukakan yang terdiri daripada tujuh orang saksi dan sebanyak 33 ekshibit serta hujah-hujah dan autoriti-autoriti kedua belah pihak, saya dapati pihak pendakwa telah berjaya membuktikan dan saya berpuashati bahawa dadah yang dikemukakan itu ialah dadah berbahaya jenis heroin seperti ditakrifkan di bawah s 2 Akta tersebut dan beratnya ialah 27.22g. Dalam hal ini, saya berpuashati dengan keterangan SP3 dan menerima keterangannya sebagai benar.

*Pemilikan dadah*

Pihak pendakwa dalam hujahnya mendakwa bahawa OKT mempunyai milikan sebenar dengan penuh pengetahuan mengenai dadah apabila OKT mengambil P28 yang terletak satu meter di hadapannya dan menyerahkan

P28 yang mengandungi dadah itu kepada SP5. Dengan penemuan fakta pemilikan sedemikian, maka pihak pendakwa bergantung pula kepada anggapan mengedar di bawah s 37(da)(i) Akta tersebut atas dasar OKT telah didapati memiliki heroin 15g atau lebih pada masa dan tempat seperti dalam pertuduhan.

Dalam kes sekarang, heroin di dalam P28 tidak berada dalam milikan fizikal OKT. Ia berada di dalam 24 botol plastik kecil yang dibungkuskan dalam dua bungkusan akhbar, dan kedua bungkusan tersebut berada pula di dalam P28. P28 terletak di atas lantai kira-kira satu meter di hadapan OKT yang ketika itu duduk mencangkung dan sedang menggunting straw. Gunting dan straw malangnya tidak pula dikemukakan sebagai bukti untuk menyokong dakwaan itu. Selepas OKT disoal siasat, OKT mengambil P28 itu dan terus menyerahkannya kepada SP5 yang disaksikan oleh SP6. Apakah soalan yang ditanya oleh SP5 kepada OKT dan apakah jawapan yang diberi oleh OKT hasil soal siasat itu tidak langsung dikemukakan sebagai keterangan oleh pendakwaan. Pihak pendakwa dalam hujahnya tidak bergantung kepada peruntukan s 27(1) Akta Keterangan 1950 ('AK') dan mengharapkan mahkamah membuat penemuan fakta bahawa dengan tindakan OKT menyerahkan P28 semata-mata kepada SP5 sudah memadai untuk membuktikan bahawa OKT mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan dadah dalam P28 dan seterusnya mempunyai milikan ke atas heroin dalam P28.

Dalam *PP v Kanapathy a/l Kupusamy & Anor* [2001] 5 MLJ 20, saya telah putuskan, bagi maksud s 27(1) AK, tindakan semata-mata tertuduh membawa anggota polis dan mendapatkan dadah tanpa memaklumkan atau memberitahu polis terlebih dahulu atau membalas soalannya tentang dadah itu, tidak membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan dan seterusnya milikan ke atas dadah itu. Jadi, dalam kes sekarang, tindakan OKT menyerah P28 kepada SP5 tanpa OKT memberi maklumat tentang dadah itu terlebih dahulu kepada SP5 tidak boleh dikatakan OKT mempunyai pengetahuan ke atas dadah dalam P28. Tindakan OKT menyerahkan P28 semata-mata juga tidak boleh disifatkan sebagai memberi maklumat. Jadi, tanpa maklumat diberi oleh OKT, pengetahuan OKT terhadap kewujudan dadah heroin dalam P28 tidak dapat dibuktikan dan elemen pengetahuan adalah penting bagi pembuktian milikan. Oleh itu, tanpa maklumat, s 27(1) AK tidak terpakai dalam kes ini. Lagipun, heroin berada di dalam 24 botol yang dibungkus dengan akhbar di dalam P28 dan sudah pasti, dadah itu tidak dapat dilihat dari luar P28. Dalam keadaan itu, inferens bahawa OKT tahu akan apa yang ada dalam P28 tidak dapat dibuat. Begitu juga dengan keadaan OKT yang menggigil apabila dia disoal siasat. Perasaan takut tidak semesti menunjukkan kebersalahan. Fakta bahawa OKT berada dekat dengan P28 dan tindakan OKT menyerahkan P28 semata-mata kepada SP5, tanpa keterangan maklumat mengenai dadah diberi kepada SP5 oleh OKT semasa soal siasat, adalah tidak mencukupi untuk membuktikan milikan, dan seterusnya ia tidak selamat untuk membuat kesimpulan bahawa OKT mempunyai pengetahuan dan jagaan atau kawalan terhadap dadah tersebut. Dalam kes ini, tidak ada keterangan yang jelas bahawa OKT tahu dadah berada di dalam P28. Jadi,

tanpa elemen pengetahuan dibuktikan, saya dapati pihak pendakwa telah gagal membuktikan milikan sebenar. Tanpa keterangan milikan sebenar, anggapan pengedaran dadah heroin di bawah s 37(da)(i) tidak dapat dibangkitkan terhadap OKT (sila lihat *Muhammed bin Hassan v PP* [1998] 2 MLJ 273.

*Pindaan pertuduhan di bawah s 12(2) Akta tersebut*

Walau apapun, mahkamah dapati pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap OKT atas kesalahan mempunyai kawalan atau jagaan dadah heroin dalam P28 pada masa dan tempat material. Memang benar OKT tidak mempunyai milikan fizikal ke atas dadah tersebut, namun keterangan yang ada adalah mencukupi untuk membuktikan penemuan fakta bahawa OKT mempunyai kawalan atau jagaan ke atas heroin dalam P28. OKT telah dilihat berada seorang diri di dalam rumah dan sedang duduk mencangkung satu meter dari P28. Beliau yang mengambil dan menyerah P28 kepada SP5.

Justeru, mahkamah telah bertindak di bawah s 158(1) KAJ dan memerintahkan supaya pertuduhan asal diperturunkan kepada pertuduhan di bawah s 12(2) Akta tersebut, dan oleh kerana berat heroin melebihi 5g seperti diperuntukkan di bawah s 39A(2)(a) Akta tersebut, maka kesalahan ini boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta tersebut dan pertuduhan itu digubal seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 17 Januari 2001, jam lebih kurang 4 petang bertempat di rumah No 68C, Jalan Cabang Tiga, Kg Losong Sekolah, di dalam daerah Kuala Terengganu dalam Negeri Terengganu Darul Iman, telah didapati dalam jagaan atau kawalan kamu dadah berbahaya iaitu heroin seberat 27.22g, yang mana kamu tidak diberi kuasa yang sah menurut undang-undang untuk mempunyai jagaan atau kawalan dadah tersebut dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan (P34) telah dibaca dan diterangkan kepada OKT, termasuk hukuman yang diperuntukkan di bawah s 39A(2) Akta tersebut, dan beliau dengan rela hati telah mengaku salah. Fakta kes telah dibaca kepada OKT dan dia faham dan akui benar segala fakta yang telah dikemukakan. Setelah berpuashati bahawa OKT telah faham sifat dan akibat pengakuan salahnya, saya telah menerima pengakuan salahnya dan seterusnya mensabitkan OKT atas pertuduhan yang diperturunkan itu.

*Hukuman*

Peguambela yang bijaksana dalam rayuannya untuk meringankan hukuman, telah mengakui bahawa OKT ialah seorang penagih tegar dadah dan mempunyai lima kesalahan lampau dan empat daripadanya melibatkan dadah. Namun begitu, peguambela memohon suatu hukuman yang ringan memandangkan OKT telah mengaku salah.

Manakala, timbalan pendakwa raya yang bijaksana, memohon, oleh kerana OKT mempunyai kesalahan lampau dan demi kepentingan

awam, supaya OKT dijatuhkan suatu hukuman yang setimpal dengan kesalahan.

Kesalahan penyalahgunaan dadah berbahaya adalah suatu kesalahan yang amat serius. Dadah dalam kes ini ialah dadah jenis berat, heroin yang beratnya ialah 27.22g, iaitu lima kali ganda lebih berat daripada berat minimum 5g yang ditetapkan. Oleh itu, saya tidak teragak-agak untuk mengenakan hukuman penjara selama 15 tahun sekiranya OKT tidak mengaku salah dan didapati bersalah selepas perbicaraan penuh. Oleh kerana OKT telah mengaku salah, saya dapati OKT telah insaf atas kesalahannya, dan saya beri potongan $^1/_3$ daripada hukuman tersebut, meskipun beliau mempunyai kesalahan lampau. Tujuan utama hukuman ialah untuk menghukum OKT atas kesalahan yang dia telah lakukan dan bukan untuk menghukum beliau kerana dia mempunyai kesalahan lampau, walaupun kesalahan lampau itu merupakan satu faktor yang perlu diambil kira dalam menentukan hukuman. Menggunapakai segala prinsip penghukuman kepada kes ini, saya dengan itu, menjatuhkan hukuman penjara selama sepuluh tahun berkuatkuasa mulai tarikh tangkap 17 Januari 2001 dan sebatan sepuluh kali dengan harapan OKT tidak akan mengulangi lagi kesalahan yang jijik ini. Saya perintahkan ekshibit-ekshibit dikembalikan kepada polis untuk dilupuskan.

*Pertuduhan asal diperturunkan dan hukuman sepuluh tahun penjara dan sepuluh kali sebatan dijatuhkan ke atas OKT.*

Dilaporkan oleh Ezatul Zuria Azhari